

07 NOV 1998

Mahathir-Bank

DR MAHATHIR MAHU BANK BERSIKAP POSITIF DALAM MEMBERI PINJAMAN

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pengurusan bank bersikap lebih positif dalam mengeluarkan pinjaman kepada peniaga.

"Pihak bank harus mempermudah urusan pinjam-meminjam," katanya ketika berucap pada jamuan malam kesembilan Persatuan Bank-Bank Saudagar di Malaysia di sini.

Dr Mahathir berkata adalah didapati banyak bank tidak mahu mengeluarkan pinjaman.

"Ada kononnya pengurus cawangan bank yang berkata mereka tidak dapat arahan secara hitam-putih. Justeru itu, mereka akan terus berhati-hati dalam memberi hutang kepada peniaga.

"Saya harap cerita ini adalah cerita dongeng sahaja," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan bahawa pelbagai tindakan yang diambil oleh kerajaan setakat ini, termasuk penyuntikan modal untuk bank yang bermasalah, hanya bagi membolehkan perniagaan berjalan dengan lebih baik.

Yang penting, jelasnya, adalah tindakan yang diambil oleh peniaga dan institusi kewangan, dengan para peniaga perlu meminjam daripada bank untuk urusan perniagaan mereka baik yang asal, yang terhenti mahupun perniagaan baru.

"Pemulihan ekonomi negara bergantung kepada kecergasan pihak swasta yang dibantu oleh bank dalam bidang perniagaan.

"Lebih giat swasta lebih cepatlah pemulihan ekonomi. Lebih cepat ekonomi pulih, lebih selesalah kehidupan rakyat," katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat agar tidak terlalu cepat berpuas hati setelah melihat tanda-tanda kononnya Asia Timur mulai pulih daripada kegawatan ekonomi apabila nilai matawang dan indeks pasaran saham meningkat.

"Mungkin ada yang berpendapat bahawa tanpa tindakan mengawal ringgit pun ekonomi negara akan pulih," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menasihati rakyat agar tidak terlalu cepat menerima dakwaan itu kerana menurutnya, apa yang berlaku bukanlah kenaikan nilai matawang Asia Timur tetapi kejatuhan nilai dolar Amerika.

Beliau menjelaskan: "Apabila Long Term Capital Fund mengalami kerugian yang teruk, bank-bank negara maju yang dahulu memberi pinjaman besar kepada Tabung Lindung Nilai telah menarik balik kredit mereka untuk dagangan matawang.

"Dengan itu, banyak tabung lindung nilai mengalami kerugian dan terpaksa menjual dolar untuk membayar matawang yang dipinjam mereka.

"Dengan itu, nilai dolar pun jatuh atau dipandang dari sudut matawang lain, nilainya meningkat."

Dr Mahathir berkata belum ada keyakinan bahawa pengurus tabung lindung nilai tidak akan kembali menyerang negara Asia Timur.

"Kita lihat bagaimana mereka menyerang matawang Mexico dan Brazil berkali-kali. Apabila sahaja ekonomi pulih selepas serangan mereka, mereka akan serang semula."

Beliau berkata belum ada kepastian bahawa serangan ke atas matawang Asia Timur sudah berakhir.

"Selagi dagangan matawang tidak dikawal oleh masyarakat antarabangsa dan negara-negara tertentu, tidak ada jaminan pedagang matawang tidak akan menyerang sekali lagi apabila mereka dapat mengatasi masalah yang mereka hadapi sekarang.

"Justeru itu, kawalan ke atas matawang kita tidak boleh dihentikan atau dilonggarkan," tegasnya.

Dr Mahathir berkata bahawa negara masih berada dalam keadaan yang belum stabil daripada segi ekonomi dan semua pihak perlu berhati-hati dan mengawasi segala yang berlaku di sekeliling kita.

-- BERNAMA

MFJ OS RON